

## Soal Talak dalam Islam

(11)

Masalah isteri nusyuz (ingkar), yang kadang-kadang ((digantung tidak bertali)), masalah beristeri lebih dari satu atau ((poligami)), dan masalah talak, selalu menjadi perbincangan masyarakat.

Masalah-masalah ini telah dihuraikan oleh Dr. Ali Abdul Wahid Wafi, Mesir, dalam bukunya:

***“Bayt al-tā‘ah wa ta‘addud al-zawjāt, wa al-ṭalāq fī al-Islām”***

Huraiannya yang berharga ini kita siarkan di sini dengan harapan menjadi penerangan yang berguna tentang kedudukan masalah-masalah ini yang sebenarnya.

Dalam bilangan-bilangan yang lalu, telah dihuraikan satu persatu tentang masalah yang pertama (soal isteri nusyuz), dan masalah yang kedua (soal berbilang isteri). Mulai dari bilangan ini dan seterusnya, pengarangnya, menghuraikan pula masalah yang ketiga – “Soal talak dalam Islam”.

(Diterjemahkan oleh: Abdullah Basmeh)

Peraturan Talak dalam Islam  
Keadaan-keadaan yang Membolehkannya dan Kedudukannya  
Kerap kali berlaku dalam kehidupan yang berupa kenyataan, kejadian-kejadian yang menjadikan talak itu suatu perkara yang mesti dilakukan, bahkan menjadikan dia satu jalan yang ditentukan untuk ketenteraman keluarga itu sendiri.

Adakalanya perbalahan di antara suami isteri meningkat kepada satu peringkat yang mustahil usaha mendamaikannya, dan dengan adanya hal itu menjadikan kehidupan

perkelaminan ibarat neraka yang tidak dapat ditanggung, serta menjadikan anggota-anggota keluarga itu sekaliannya, lelaki dan perempuan, kecil dan besar, terancam akibat kejadian itu dengan seburuk-buruk natijah, dan sejahat-jahat malapetaka dalam berbagai cawangan hidup mereka yang berupa kebendaan, semangat dan akhlak.

Adakalanya juga tabiat suami isteri itu bertentangan sama sekali, dan lemahlah segala jalan kemanusiaan untuk memperbaiki hal yang tersebut, kerana hati itu terletak dalam kuasa Allah ‘Azza wa Jalla, tidak ada

sesiapa pun yang dapat menguasai sebahagian besar dari urusan-urusan hati itu.

Adakalanya juga akhlak salah seorang dari suami isteri itu rosak, lalu ia tidak mengambil endah dan tidak menghormati akan akad perkahwinan, dan galak pula melakukan maksiat menurut hawa nafsunya, sehingga menjadilah dia satu benda yang sangat-sangat memalukan siapa-siapa yang berkait dengannya, serta menjadi punca kejahatan yang berbahaya bagi tiap-tiap orang yang berhubung dengannya, sehingga lemahlah segala cara perbaikan untuk memperbaikinya dan mengembalikannya ke jalan yang lurus.

Adakalanya salah seorang dari suami isteri itu menjadi gila, lalu ia kehilangan segala sifat-sifat yang membezakannya sebagai haiwan yang berkata-kata, bahkan ia dalam segala perbuatannya lebih sesat lagi daripada binatang, dan menjadi punca yang besar bahayanya bagi tiap-tiap seorang yang bergaul dengannya. Adakalanya ia ditimpa penyakit yang menjangkit dan berbahaya, yang tidak diharap akan sembuh. Adakalanya ia kehilangan benda yang utama yang menyempurnakan jenisnya. Adakalanya ia mandul tiada melahirkan anak, maka dengan itu ia tidak dapat melaksanakan tujuan yang utama dari tujuan-tujuan perkahwinan. Adakalanya ia pengan tidak khabarkan diri dalam masa yang lanjut dan tidak diketahui adakah ia hidup atau mati. Adakalanya ia dikenakan hukuman penjara seumur hidup. Adakalanya ia jatuh susah sehingga tidak dapat memberi nafkah kepada isterinya, dan dengan itu isterinya jika berkekalan bersuamikannya akan mati kelaparan atau mencari makan dengan jalan yang haram.

Adakalanya kedua-dua suami isteri itu memandang bahawa perkahwinan mereka tidak dapat dilanjutkan lagi

dari segala segi, dan tiap-tiap seorang hendak bercerai dengan yang lain dengan baik, supaya dengan jalan itu mudah-mudahan masing-masingnya dikurniakan Allah (dengan jodoh yang sesuai dan hidup bahagia).

\* \* \*

Oleh kerana perkara-perkara yang kita jadikan contoh itu bukanlah kejadian khayal, bahkan selalu berlaku, dan selalu berlaku pula perkara-perkara yang sebanding dengannya dalam kehidupan manusia, dan oleh kerana pengharaman talak dan kejadian-kejadian yang seperti itu menceburkan manusia dalam kesukaran-kesukaran yang tidak terperi, dan oleh kerana Islam ialah satu agama yang am yang diperundang-undangkan bagi segala umat dan segala zaman, dan diperundang-undangkan untuk kehidupan yang berdasarkan kenyataan, yang di dalamnya manusia mengalami keadaan kucar-kacir, dan berusaha untuk menghadapi segala keadaan dan kejadian yang difikirkan harus menimpa orang-orang perseorangan dan keluarga serta masyarakat, dan oleh kerana ia (Islam) sangat-sangat mengambil berat untuk melindungi orang-orang perseorangan, keluarga dan masyarakat dari segala perkara yang membawa kepada kesukaran dan bahaya atau membahayakan, maka kerana yang demikian itulah Islam mengharuskan talak, dan ia tidak pula memandang kepada akad perkahwinan – meskipun ia sangat-sangat menghormati dan meninggikan kedudukannya – sebagai satu akad (ikatan) yang kekal abadi, yang tidak boleh diputuskan.

Tetapi Islam tidak pula mengharuskan talak secara mutlak, bahkan telah mengikatnya dengan ikatan-ikatan yang menjadikan dia tidak dapat dijatuhkan melainkan di dalam kejadian-kejadian darurat yang kita kemukakan contoh-contohnya tadi. Dengan yang demikian, Islam telah menjadikan talak itu alat

untuk melaksanakan kebaikan yang am dan kebaikan keluarga itu sendiri.

Islam adalah melingkungi akad perkahwinan dengan pagar kesucian (kehormatan), dan melimpahkannya dengan kebesaran yang membezakannya daripada segala akad yang lain, dan mengangkatnya meningkat tinggi di atas segala ikatan yang dipatuhi oleh manusia dalam urusan kehidupan mereka, serta menempatkannya di dalam diri manusia dalam kedudukan yang dihormati.

Sebab itulah, al-Qur'ān telah mensifatkannya dengan sifat-sifat yang tidak diberikan kepada akad-akad yang lain, lalu menamakannya "*al-mīthāq al-ghalīz*" (perjanjian yang kuat). Tentang ini Allah 'Azza wa Jalla berfirman:

*"Wa kayfa ta'khudhūnahū wa qad afdā ba'dukum ilā ba'din wa akhadhna minkum mīthāqan ghalīzā."* (Sūrat al-Nisā', 21).

Ertinya: "Dan bagaimana kamu tergamak mengambilnya (pemberian kamu kepada isteri kamu itu) pada hal kamu

(suami isteri) telah bersatu mesra antara satu dengan yang lain, dan mereka (isteri-isteri kamu itu) telah mengambil (mengikat) perjanjian yang kuat daripada kamu!"

Tidak berkehendak kepada penjelasan lagi (kerana telah nyata) bahawa suatu perjanjian yang dipandang oleh Islam dengan pandangan yang sedemikian ini, maka memutuskannya bukanlah satu perkara yang mudah.

Oleh itu, Islam mendorong orang ramai supaya menaruh rasa benci kepada talak, dan menggambarkan talak itu dalam rupa yang seburuk-buruknya, serta menggalakkan orang-orang Islam supaya menjauhi talak itu sedapat-dapatnya. Tentang ini Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* bersabda:

*"Abghaḍu al-ḥalāli ilā Allāhi al-ṭalāq."*

Ertinya: "Sebenci-benci perkara yang halal kepada Allah ialah talak."

Dan sabdanya lagi:

*"Tazawwajū wa lā tuṭalliqū fa inna al-ṭalāqa yahtazzu lahu 'arshu al-Raḥman."*

Ertinya: "Berkahwinlah kamu dan janganlah menjatuhkan talak, kerana talak itu bergegar Arash Tuhan (*al-Raḥman*) kerananya." (Kitab ((*Badā'i' al-Ṣanā'i'*)) *Bāb al-ṭalāq*).

Islam tidak pula berpada dengan larangan-larangan dan amaran-amaran ini, bahkan telah menggunakan berbagai-bagai peraturan mengenai urusan keluarga yang dapat menjauhi talak kecuali kerana sebab-sebab yang kuat, yang tidak dapat dielakkan.

Islam pun menetapkan bahawa tidak sah menuju kepada talak kerana didorong oleh sebab-sebab yang dapat diperbaiki, atau kerana perkara yang boleh berubah keadaannya pada masa yang akan datang, atau ia (perkara yang tersebut) tidak menghalangi dengan tabiatnya akan ketenteraman hidup

**Bacalah Riwayat Hidup**

**Saiyidina**

**Abū Bakr al-Ṣiddīq**

**(Oleh: Abdullah Basmeh)**

2 penggal tamat. Penggal pertama telah dicetak semula.

Harga sepenggal \$1.20 belanja mengirinya 10 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

**Qalam, Singapura.**

perkelaminan menurut sesuatu segi. Seheinggakan perkara-perkara yang berhubung dengan perasaan hati si suami terhadap isterinya, atau rasa bencinya terhadap setengah daripada tingkah laku isterinya, tidak juga dihitng oleh Islam dari perkara-perkara yang menjadi alasan untuk menjatuhkan talak. Islam memandang bahawa tidak dikehendaki suami-suami memikirkan talak, hanya kerana berubah rasa kasih mereka terhadap isteri-isteri mereka, atau kerana timbul rasa benci terhadap mereka, atau hanya kerana tidak berkenan akan tingkah laku dan akhlak mereka, yang tidak mengandungi sesuatu yang menyentuh kehormatan atau agama. Kerana perasaan-perasaan hati ini adalah berubah-ubah, dan tidak sah dibina di atasnya perkara-perkara yang besar yang berhubung dengan pertubuhan keluarga. Sesuatu yang dibenci oleh manusia hari ini, harus akan digemari pada suatu hari kelak. Seorang suami jika ia bencikan sebahagian dari tingkah laku isterinya, harus ada pula sesuatu tingkah laku isterinya itu yang digemarinya.

Tentang ini Allah Ta'ālā berfirman:

*“Wa ‘āshirūhunna bi al-ma‘rūfi fa in karihtumūhunna fa ‘asā an takrahū shay’an wa yaj’ala Allāhu fīhi khayran kathīrā.”*  
(Sūrat al-Nisā’, 19).

Ertinya: “Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu) dengan cara yang baik, maka sekiranya kamu bencikan mereka, moga-moga perkara yang kamu bencikan itu, Allah jadikan padanya kebaikan yang banyak.”

Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* pula bersabda:

*“Lā yafraq mu‘minun mu‘minah: In kariha minhā khulqan raḍiya minhā ākhar.”*

“Ertinya: “Janganlah lelaki yang beriman membenci akan perempuan yang beriman: Jika ia bencikan sesuatu

akhlaknya, ia juga akan berkenankan pula sesuatu akhlaknya yang lain.”

Yakni seseorang yang beriman tidak harus benci kepada isterinya disebabkan sesuatu akhlak atau tingkah lakunya yang tidak dipersetujuinya, dan buat-buat tidak nampak akan lain-lain akhlaknya yang baik, yang disukainya.

Seorang telah datang mendapatkan Saiyidina ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, *raḍiya Allāhu ‘anh*, kerana meminta fikiran hendak menceraikan isterinya. Saiyidina ‘Umar pun berkata kepadanya: “Jangan kamu lakukan.” Orang itu berkata pula: “Tetapi saya tidak kasih akan dia.” Mendengarkan itu, Saiyidina ‘Umar berkata: “Mengapa pula demikian! Adakah rumah tangga itu hanya dibina di atas kasih sayang?! Mana dia keraian dan mana dia perjanjian dan jaminan?!”

Maksudnya, bahawa rumah tangga perkelaminan jika

**Bacalah Riwayat Hidup**

# Umar ibn al-Khaṭṭāb

**(Oleh: Abdullah Basmeh)**

4 penggal tamat. Harga sepenggal \$1.20

Belanja mengirimmnya 10 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

**Qalam, Singapura.**

sukar hendak didirikan di atas rasa kasih sayang, maka sudah selayaknya didirikan di atas dua rukun yang lain, yang kuat: salah satunya ialah keraihan (pemeliharaan dan kawalan yang baik) yang menyebarkan rasa belas kasihan sekelilingnya, dan dijalankan bersama oleh anggota-anggota keluarga itu untuk mengenal hak-hak dan kewajiban mereka. Yang kedua pula ialah perjanjian yang telah diakui bersama (yang tersimpul dalam akad nikah – P.) dan rasa kesedaran untuk menjauhkan seseorang suami daripada menjadi punca bagi perbuatan yang memporak-perandakan perkelaminan, meruntuhkan rumah tangga dan mendedahkan anak-anak kepada kecelakaan hidup, serta segala keburukan yang timbul daripada perbuatan yang jahat itu.

Demikian juga, di antara peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Islam untuk menjauhkan talak ialah bahawa Islam telah memerintahkan kedua suami isteri apabila berlaku perbalahan atau rasa benci-membenci antara mereka, supaya mereka berusaha menghapuskannya dengan menimbulkan perkara-perkara yang menghidupkan rasa belas kasihan dan permuafakatan.

Tentang ini Allah Ta'ālā berfirman:

*“Wa ini imra'atin khāfat min ba'lihā nushūzan aw i'rādan fa lā junāḥā 'alayhimā an yuṣliḥā baynahumā ṣulḥā, wa al-ṣulḥu khayr.”* (Sūrat al-Nisā', 128).

Ertinya: “Dan jika seorang perempuan takut timbul daripada suaminya kebencian atau berpaling, maka tiadalah salah bagi keduanya jika diadakan perdamaian di antara mereka, kerana perdamaian itu baik.”

Demikian juga, di antara peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Islam untuk menjauhkan talak ialah bahawa Islam

telah mewajibkan kedua isteri jika mereka tidak dapat berdamai dengan usaha mereka sendiri, hendaklah mereka mengemukakan perkara itu kepada satu majlis dari kalangan keluarga yang mengandungi dua hakim (orang tengah) seorang dari keluarga perempuan dan yang seorang lagi dari keluarga lelaki, untuk membahaskan sebab-sebab yang menimbulkan perbalahan itu dan berusaha menghapuskan punca-puncanya serta mempersesuaikan kehendak kedua suami isteri itu, sehingga tercapailah perdamaian dengan mengambil yang jernih dan membuang yang keruh.

Islam tidak pula menunggu berlakunya perbalahan untuk menjalan perdamaian secara *tahkīm* (orang tengah) itu, tetapi ia memerintahkan menjalankannya sebaik-baik sahaja timbul kebimbangan akan berlakunya perbalahan itu, yakni ketika ada tanda-tandanya yang menunjukkan ia akan berlaku, dan kedua suami isteri itu tidak akan dapat menghapuskannya dengan usaha dan cara-cara mereka sendiri.

Tentang ini Allah Ta'ālā berfirman:

*“Wa in khiftum shiqāqa baynihimā fa tb'athū ḥakaman min ahliḥi wa ḥakaman min ahlihā in yurīdā islāḥan yuwaffiqi Allāhu baynahumā, inna Allāha kāna 'alīman khabīrā.”* (Sūrat al-Nisā', 35).

Ertinya: “Dan jika kamu takut akan perbalahan (yang berlaku) antara keduanya maka hendaklah kamu adakan seorang hakim (orang tengah) dari pihaknya (pihak lelaki) dan seorang hakim dari pihaknya (pihak perempuan). Jika keduanya (orang tengah) itu berkehendak mengadakan perdamaian, nescaya Allah akan beri taufik perdamaian antara kedua suami isteri itu, sesungguhnya Allah Amat Mengetahui lagi Amat Luas Pengetahuan-Nya.”

-Bersambung.